

Umat Islam harap tindakan konkrit

Malaysia gesa negara anggota desak gencatan senjata, segerakan bantuan kemanusiaan

Riyadh: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menggesa negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) secara konsisten mendesak pelaksanaan gencatan senjata serta-merta, manakala bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza disegerakan.

Bercakap pada sesi kelapan Sidang Kemuncak Tergempar OIC bagi membincangkan serangan dan kekejaman berterusan Israel terhadap Palestin, Anwar menegaskan, umat Islam di seluruh dunia mengharap hasil ketara serta tindakan konkrit daripada sidang kemuncak yang berlangsung sehari itu.

"Saya menggesa semua anggota OIC, agar menggunakan saluran dan rangkaian diplomatik masing-masing secara strategik dalam setiap dialog di semua peringkat, sama ada dua hala atau pelbagai hala, serantau mahupun antarabangsa.

"Marilah kita secara konsisten dan tegas mendesak perkara itu dalam satu kempen diplomatik yang bersepadu untuk memulakan pelaksanaan gencatan senjata dan menyegerakan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza," katanya.

Sidang kemuncak tergepar yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Raja Abdulaziz di Riyadh pada Sabtu itu, dihoskan Putera Mahkota Mohammed bin Salman, yang juga Perdana Menteri Arab Saudi.

Lebih 11,000 rakyat Palestin, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, terbunuh akibat serangan udara tanpa henti serta operasi darat yang kejam lebih sebulan oleh rejim Israel di bumi Gaza.

Beribu-ribu lagi masih tidak dapat dikesan dan mereka dipercayai terperangkap di bawah runtuhan bangunan yang musnah.

Sebuah pertubuhan hak asasi manusia antarabangsa melaporkan, pengeboman bertubi-tubi Israel menyaksikan pesawat pejuang rejim itu menggugurkan lebih 25,000 tan bahan letupan di Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober lalu, yang bersamaan de-



Anwar berucap pada Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Riyadh. (Foto BERNAMA)

ngan dua butir bom nuklear.

Perdana Menteri, yang tiba di Riyadh petang semalam, juga berharap agar semua aktiviti petempatan dan keganasan oleh peneroka terbabit terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat dihentikan serta-merta.

Beliau turut menggesa agar semua pihak yang mencabuli undang-undang antarabangsa, termasuk melakukan jenayah perang disiasat dan diheret ke mahkamah menerusi institusi antarabangsa.

Malaysia, tegas Anwar, menyokong Inisiatif Keamanan Arab dan rundingan bersama pengan-tara terkemuka bagi menjayakan penyelesaian dua negara dengan pengiktirafan kepada negara Palestin yang merdeka berdasarkan sempadan pra-1967 serta Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negaranya.

Perangi isu Islamofobia

Menyentuh penyingkiran paksa orang awam di Palestin, Perdana Menteri mahu tindakan itu dihentikan serta-merta.

Beliau juga menggesa negara anggota OIC memerangi habis-habisan peningkatan global dalam Islamofobia dan pada masa sama, melindungi hak untuk menyatakan sokongan kepada perjuangan Palestin secara aman.

Anwar berkata, selama lebih sebulan, penduduk Gaza yang terkepung telah menjadi mangsa kekejaman tidak berperikemanusiaan dan pembunuhan beramai-ramai tentera Israel yang menyasar lelaki, wanita dan kanak-kanak secara sembarangan.

"Gaza telah menjadi kubur untuk mereka yang tidak bersalah dan golongan syahid, kebanyakannya kanak-kanak Palestin. Tiada kediaman, hospital ataupun rumah ibadat, sama ada Islam atau Kristian, selamat da-

ripada serangan yang dilakukan secara sembarangan oleh Israel," katanya.

Beliau berkata, kesinambungan politik yang merampas hak rakyat Palestin bukanlah dilakukan secara senyap, sebaliknya dapat disaksikan seluruh dunia dalam pelanggaran undang-undang antarabangsa secara terang-terangan.

"Kelas politik negara-negara Barat ketika ini mempamerkan sikap rabun jauh terpilih dalam krisis di Palestin," katanya.

Anwar berkata, perubahan besar mengenai perkara itu telah berlaku sebagaimana ditunjukkan dalam demonstrasi besar-besaran di seluruh dunia yang belum pernah terjadi sebelum ini termasuk di negara Barat, untuk menyokong Palestin.

"Ironinya, di semua ibu kota ini yang kononnya memperjuangkan kebebasan bersuara dan meletakkan hak asasi manusia sebagai sesuatu yang suci, sesetengah pihak berkuasa telah mengecam pihak yang menyokong perjuangan Palestin serta menyifatkan mereka sebagai penyebar ucapan berbaur kebencian dan penyokong keganasan.

"Ini adalah dwistandard song-sang," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata, beliau memuji inisiatif Kerajaan Arab Saudi untuk mengadakan sidang kemuncak tergepar itu.

"Dan saya memuji Tuanku kerana memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada perjuangan Palestin dan kecaman Tuanku terhadap penjajahan serta kekejaman yang dilakukan oleh Isfael.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Presiden Mesir, Fattah El-Sisi, kerana memudahkan penyaluran bantuan kemanusiaan," katanya.

BERNAMA